



YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari
Dato' Menteri Besar Selangor

YB Puan Anfaal binti Saari
Exco Pembangunan Wanita
& Kebajikan Masyarakat

GERAN PUSAT JAGAAN

IMBAS KOD QR
UNTUK MAKLUMAT LANJUT



Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita & Keluarga,
Kebajikan Masyarakat & Ekonomi Penjagaan (Care Economy)

OBJEKTIF



- Menggalakkan taska dan pusat jagaan warga emas dan orang kurang upaya untuk **menjalankan operasi secara sah** dengan mendaftar dengan pihak berwajib: dan
- Membantu Pusat Jagaan untuk **menampung kos pendaftaran** yang melibatkan **penyediaan pelan bangunan, pengubahsuaian** dan **pematuhan kepada agensi teknikal**.

SYARAT KELAYAKAN



Pengusaha merupakan Perniagaan / Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) / Pusat Dalam Komuniti (PDK) / Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Pendaftar Pertubuhan (ROS) Negeri Selangor dalam tempoh minimum 6 bulan sebelum tarikh permohonan;



Lokasi premis pusat jagaan / taska di dalam Negeri Selangor;



Pusat Jagaan menjalankan operasi bagi kanak-kanak, orang kelainan upaya dan warga emas;



Bukti komitmen untuk mendaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan mengemukakan bukti dokumen-dokumen diperlukan untuk mendaftar pusat jagaan / taska ke Jabatan Kebajikan Masyarakat.

DOKUMENTASI



- Dokumen perakuan pendaftaran SSM dan/atau ROS yang lengkap dengan senarai ahli lembaga pengarah/ahli jawatankuasa;
- Salinan Kad Pengenalan pemilik perniagaan atau pengendali;
- Salinan penyata bank perniagaan / pertubuhan bagi 6 bulan terkini;
- Kertas kerja oleh pusat jagaan / taska yang mengandungi:-
 - ▶ maklumat profail perniagaan/pertubuhan;
 - ▶ senarai program atau aktiviti yang disediakan untuk penghuni pusat jagaan;
 - ▶ status semasa pusat penjagaan/taska; dan
 - ▶ cadangan perancangan penggunaan geran.
- Perakuan komitmen bagi mendaftar pusat jagaan / taska berkaitan boleh diberikan dalam bentuk dokumen status terkini pemprosesan (surat / resit / perakuan / sijil / notis) atau sebarang bentuk dokumen berkaitan daripada Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Bomba, Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kebajikan Masyarakat yang membuktikan keperluan pendaftaran dan pembayaran.

POLISI PEMBERIAN



- Terbuka kepada pengusaha / operator yang sedang dalam proses pemutihan atau pendaftaran. Keutamaan diberikan kepada pengusaha / operator yang telah beroperasi sekurang-kurangnya selama dua (2) tahun ke atas;
- Geran maksimum berjumlah sehingga RM5,000.00 bagi satu pengusaha / operator secara tuntutan (claim) berdasarkan dokumen yang membuktikan keperluan pendaftaran dan pembayaran;

Geran
sehingga
RM5000
bagi pusat
jagaan yang
layak

Geran digunakan bagi tujuan:

- ▶ Bayaran yuran kepada agensi teknikal berdasarkan syarat agensi teknikal yang berkenaan; dan
- ▶ Keperluan ubah suai berdasarkan ulasan keperluan agensi teknikal iaitu Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Bomba dan Pejabat Kesihatan Daerah.



PERMOHONAN



SARINGAN



PENYALURAN



PELAPORAN